

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 29

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jelaskan rasional larangan bagi pengamal perubatan umum swasta melakukan bersunat (*circumcision*) di klinik swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia mengawal dan mengawalselia klinik perubatan swasta selaras dengan ketetapan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U. (A)137/2006].

Merujuk kepada tafsiran klinik perubatan swasta dalam Akta 586, hanya perkhidmatan jagaan kesihatan atas dasar pesakit luar sahaja yang boleh disediakan dalam klinik perubatan swasta. Bagi prosedur perubatan yang memerlukan pemerhatian atau perkhidmatan kejururawatan, prosedur berkenaan perlu dijalankan di pusat jagaan ambulatori swasta, selaras dengan kehendak seksyen 2, Akta 586.

Pada masa ini, Kementerian tiada halangan bagi prosedur ini dilakukan di klinik perubatan swasta dengan syarat dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar untuk kes-kes yang normal (bukan *pathological*) di mana aspek penjagaan dan keselamatan perlu dititikberatkan semasa prosedur dijalankan.

Namun begitu, terdapat beberapa kes kecuaian perubatan ketika prosedur berkhatan dijalankan di klinik perubatan swasta yang telah diterima dan disiasat oleh Kementerian. Siasatan Kementerian mendapati kejadian tersebut berpunca daripada keadaan perubatan yang memerlukan prosedur berkhatan yang *complicated*, pesakit mempunyai pelbagai *co-morbidities*, kompetensi pengamal perubatan sendiri serta keadaan klinik perubatan swasta yang tidak kondusif bagi menangani situasi kecemasan sekiranya berlaku kejadian yang tidak dijangka.

Lanjutan itu, terdapat cadangan supaya pengamal perubatan yang ingin melaksanakan prosedur berkhatan ini menjalani program latihan *credentialing & privileging* terlebih dahulu bagi memastikan kompetensi pengamal perubatan berkenaan demi keselamatan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun begitu, Kementerian menyedari bahawa amalan berkhatan ini bukanlah suatu prosedur perubatan semata-mata, tetapi berkait rapat dengan aspek budaya dan agama di Malaysia. Kementerian turut sedia maklum bahawa masih terdapat prosedur berkhatan yang tidak dilakukan oleh profesional jagaan kesihatan dan/atau dilakukan di kemudahan yang tidak bersesuaian seperti oleh tok mudim yang dijalankan di kampung-kampung.

Oleh itu, pada masa ini, Kementerian mengambil langkah bagi meningkatkan tahap kesedaran dan awareness rakyat supaya dapat mengambil keputusan yang baik ketika memilih kemudahan/ personel bagi menjalankan prosedur berkhatan. Perkara ini dimaklumkan kepada masyarakat umum ketika program jeyarawara serta dialog-dialog yang diadakan di negeri-negeri seluruh Malaysia, anjuran Jabatan Kesihatan Negeri atau persatuan-persatuan profesional jagaan kesihatan.

Sekian, terima kasih.